

DYTM dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kewangan Islam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kewangan Islam ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA pada Majlis Hafli Al-Takharuj Ke-8 UNISSA di atas kepimpinan dan sumbangan Duli Yang Teramat Mulia serta pencapaian kewangan Islam yang amat signifikan dalam memacu pertumbuhan, perkembangan dan pemeraksanaan ekosistem kewangan Islam di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. – Sempena Majlis Hafli Al-Takharuj Ke-8 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kewangan Islam ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA.

Petikan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kewangan Islam telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Rektor, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani yang juga Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA.

Antara petikan penganugerahan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia adalah Pengerusi Lembaga Pengarah-Pengarah Autoriti Monetari Brunei

Darussalam (AMBD) sejak penubuhannya pada 1 Januari 2011 Masihi sehingga ke hari ini.

DYTM merupakan seorang pemimpin yang berwawasan serta bersemangat dan berdedikasi tinggi dalam memajukan sektor kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam yang sejajar dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai salah sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa.

Ke arah itu, DYTM telah mengilhamkan perancangan yang strategik dan terarah dalam pembangunan Sektor Perkhidmatan Kewangan yang menyasarkan kemajuan sektor perbankan Islam, pasaran modal Islam dan Takaful, termasuk keperluan perkembangan modal insan sekali gus berperanan secara signifikan bagi mendukung pencapaian aspirasi ekonomi yang seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Di bawah kepimpinan DYTM, AMBD sentiasa komited dan terus berusaha dengan gigih dalam mempraktikkan serta mampuknalkan amalan-amalan terbaik antarabangsa termasuk memainkan peranan

yang aktif dalam pembangunan Sektor Perkhidmatan Kewangan Islam, antaranya ialah : Penguatkuasaan Securities Markets Order, 2013 dan Securities Markets Regulations, 2015 serta pengeluaran notis yang membenarkan entiti-entiti yang dikawal selia untuk menjalankan perniagaan pelaburan Islam sama ada sebagai institusi pelaburan Islam atau melalui 'Islamic window'; dan Pelaksanaan Syariah Governance Framework yang dikuatkuasakan pada bulan April 2018 bagi memastikan struktur, proses, produk dan perkhidmatan institusi kewangan Islam adalah patuh syarak dan selaras dengan amalan terbaik syariah antarabangsa.

Peranan dan tanggungjawab DYTM selaku Pengerusi Lembaga Pengarah-Pengarah AMBD adalah amat signifikan kepada memastikan Sistem Kewangan Islam berfungsi dengan efisien dan berkesan bagi mendukung agenda pembangunan pelbagai sektor ekonomi negara, antaranya melalui :

Pengisytiharan Hari Menabung Kebangsaan pada 28 Mei 2015 Masihi. Hari Menabung Kebangsaan adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan budaya menabung dan sikap pengurusan wang yang berhemah dan seterusnya, bagi meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan di negara ini dan Penerbitan Brunei

Darussalam Financial Sector Blueprint 2016 - 2025 pada tahun 2016 Masihi.

Ia merupakan plan induk bagi pembangunan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam termasuk kewangan Islam bagi jangka waktu 10 tahun dan menggariskan rangka kerja strategik untuk mencapai matlamat Wawasan 2035, khususnya dalam mendukung serta menjana ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan ketinggian pendapatan per kapita dalam kalangan 10 negara teratas di dunia.

Di bawah kepimpinan dan bimbingan DYTM serta hasil kolaborasi padu di antara AMBD, Centre For Islamic Banking, Finance and Management dan UNISSA telah berjaya mengadakan pelbagai inisiatif dan usaha dalam pembangunan kapasiti serta pengupayaan ekosistem kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Antaranya ialah Penganjuran International Conference on Islamic Finance 2012 dan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-6, anjuran Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, UNISSA dengan kerjasama International Shariah Research Academy for Islamic Finance, Malaysia pada 15 Mei 2012 Masihi, dalam mana DYTM telah menekankan mengenai kepentingan sektor perbankan Islam dalam memainkan peranan lebih mesra usahawan dengan menawarkan pelbagai kaedah dan instrumen pembiayaan yang Sharia

Compliant yang mana berupaya menjana peluang kepada lebih ramai usahawan Muslim untuk bergiat aktif dalam bidang masing-masing.

Perasmian The 5th ASEAN Universities International Conference on Islamic Finance, anjuran Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA pada 13 Disember 2017 Masihi, dalam mana sabda perasmian DYTM menekankan, peri pentingnya perbankan dan kewangan Islam menyumbang secara berkesin kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat yang meliputi tanggungjawab sosial dalam mengurangkan kemiskinan, meningkatkan perkongsian harta dan melaksanakan pengagihan harta secara adil yang menjadi tonggak utama kewangan Islam.

Berkat kepimpinan DYTM, Negara Brunei Darussalam telah berjaya menduduki tangga ke-9 dalam Islamic Finance Development Indicator Report 2017 yang dikeluarkan oleh ICD-Thomson Reuters, iaitu peningkatan dari kedudukan di tangga ke-14 pada tahun 2016 Masihi.

Berdasarkan kepimpinan dan sumbangan DYTM serta pencapaian kewangan Islam yang amat signifikan dalam memacu pertumbuhan, perkembangan, dan pemeraksanaan ekosistem kewangan Islam di peringkat kebangsaan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa, selayaknya DYTM dibicarakan sanjungan dan pengiktirafan yang setinggi-tingginya.